

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

SOALAN NO. 44

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa peruntukan diberi kepada sekolah kebangsaan di bandar untuk keperluan barangan logistik bagi menampung kapasiti murid yang ramai.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil maklum keperluan hartamodal dan kenderaan oleh sekolah-sekolah. Namun demikian, peruntukan yang diterima oleh KPM pada setiap tahun adalah lebih kecil berbanding keperluan sebenar. Sehubungan dengan itu, pada setiap tahun peruntukan diagihkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) mengikut permohonan yang diterima serta keutamaan yang ditentukan berdasarkan pertimbangan JPN dengan bantuan Pejabat Pendidikan Daerah masing-masing. Keutamaan penyaluran peruntukan adalah berdasarkan tahap kritikal keperluan hartamodal dan bukannya berdasarkan lokasi sekolah dan jumlah murid di sekolah. Daripada aspek keperluan kenderaan pula, sekolah kebangsaan kebiasaannya tidak disediakan kenderaan oleh KPM kerana peruntukan yang sangat terhad. Namun begitu, pihak sekolah boleh berhubung dengan JPN untuk mendapatkan perkhidmatan kenderaan percuma seperti bas atau van bagi kegunaan aktiviti sekolah.